

Masalah banjir bakal selesai

Projek naik taraf parit giat dijalankan

PULAU MERANTI - Masalah banjir kilat yang sering kali menghantui penduduk Kampung Sungai Rasau, Pulau Meranti bakal diatasi tidak lama lagi selepas siapnya projek naik taraf parit yang kini sedang giat dijalankan.

Jika sebelum ini lebih 40 keluarga terjejas akibat banjir yang berpunca daripada masalah saluran, kini masalah berkenaan akan diatasi.

Projek berkenaan mula dibina September lalu melibatkan kerja mendalam dan menaik taraf parit daripada parit tanah kepada parit konkrit bagi memudahkan aliran

air.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Datuk Marsum Paing berkata, jika sebelum ini penduduk kawasan itu akan menghadapi banjir walaupun hujan turun dalam dua jam, kini dengan wujudnya parit, masalah itu akan berkurangan.

"Meskipun tidak mengatasi sepenuhnya masalah banjir yang sering kali dihadapi, sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan sedikit masalah yang ditanggung penduduk," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sering mendengar rungutan dan rintihan penduduk, lan-

tas mengadakan perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengambil langkah tertentu mengatasinya.

"Kita mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada JPS kerana mengambil berat terhadap aduan yang dibuat penduduk dan berharap usaha ini mendatangkan manfaat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat lawatan ke projek naik taraf sungai yang sedang dijalankan di kampung berkenaan.

Sementara itu, projek itu kini dianggarkan 80 peratus siap dan dijadual akan siap se-



■ Marsum (tengah) sedang melihat proses pembinaan parit di Sungai Rasau.